

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI PERNIAGAAN KHAZALI PERABOT  
YAN, KEDAH DARUL AMAN

HASNIDA SUHAILA BINTI MOHD RODZI  
SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KERADA  
JABATAN PENGURUSAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
2007

1100063795

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (UMT)  
Universiti Malaysia Terengganu



LI 5 FPE 2 2007



1100063795

Laporan akhir latihan industri di Perniagaan Khazali Perabot Yan,Kedah Darul Aman / Hasnida Suhaila Mohd Rodzi.

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

6100063795

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PERNIAGAAN KHAZALI PERABOT  
YAN, KEDAH DARUL AMAN**

Oleh

**HASNIDA SUHAILA BINTI MOHD RODZI  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(PEMASARAN)**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAH  
KEPADА**

**JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI**

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
UMT**

**2007**

1100063795

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **HASNIDA SUHAILA BINTI MOHD RODZI** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **PGN 4799** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Yang benar,



---

Nama : Hasnida Suhaila binti Mohd Rodzi

Tarikh : 12/11/2007

Disahkan oleh:

---

Dr. Shafiek bin Mokhlis

Penyelia Latihan Industri UMT

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE)

## PENGHARGAAN



Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya saya telah berjaya menyiapkan laporan ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Safiek Mokhlis selaku Penyelia Latihan Industri Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di atas tunjuk ajar, bantuan dan nasihat sepanjang saya menjalani Latihan Industri. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga di atas kesudian beliau memberikan segala tunjuk ajar dan garis panduan kepada saya dalam menyiapkan laporan ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada pihak syarikat Perniagaan Khazali Perabot di atas kesudian pihak syarikat mengambil saya untuk menjalani Latihan Industri di syarikat ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Haji Khazali bin Yahya selaku Pengasas Syarikat Perniagaan Khazali Perabot yang telah banyak memberi tunjuk ajar sepanjang saya menjalani Latihan Industri di syarikat beliau.

Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Shahrizal bin Haji Khazali dan Puan Yusnita binti Haji Khazali kerana telah banyak memberi saya pengalaman serta pelbagai ilmu yang belum pernah saya tempuh selama ini. Sesungguhnya ilmu yang

diberikan oleh kalian merupakan sesuatu aset yang amat penting bagi saya dan dapat melengkapkan diri saya dalam menghadapi alam pekerjaan yang sebenar.

Selain itu, setinggi-tinggi ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua kakitangan Perniagaan Khazali Perabot yang telah banyak memberikan kerjasama sepanjang saya menjalani Latihan Industri di syarikat ini. Kerjasama dan pertolongan ini telah banyak memudahkan saya menjalani Latihan Industri dengan baik. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung sepanjang saya menjalani Latihan Industri dan sepanjang saya menyiapkan laporan ini.

Ucapan terima kasih juga kepada ahli-ahli Jawatankuasa Latihan Industri kerana telah bertungkus-lumus bekerja bagi memastikan proses Latihan Industri dapat dilakukan dengan lancar.

Akhir kata saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada keluarga di atas sokongan dan dorongan sepanjang saya menjalani Latihan Industri. Sokongan dan dorongan yang diberikan telah banyak membantu saya semasa semasa menjalani Latihan Industri.

HASNIDA SUHAILA BINTI MOHD RODZI  
SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN)  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Perniagaan Khazali Perabot adalah sebuah firma yang menjalankan operasi perniagaan berasaskan pembuatan kayu yang merangkumi pembuatan kabinet dapur, kelengkapan perabot pejabat sehingga ke kelengkapan perabot bilik tidur. Perniagaan ini telah memulakan operasinya pada tahun 1985. Lokasi yang menempatkan pejabat dan kilang adalah di No. 57, Kampung Kabu 10, Sungai Limau Dalam, 06910 Yan, Kedah Darul Aman. Pemilihan lokasi di Kampung Kabu 10 memang strategik memandangkan kawasan tersebut berada di tengah-tengah jalan utama untuk ke pusat bandar. Kampung tersebut menjadi laluan utama bagi sesiapa yang ingin mendapatkan jalan alternatif lain ke pusat bandar. Oleh itu, papan tanda pemergaan senang dilihat oleh sesiapa sahaja. Secara umumnya di Perniagaan Khazali Perabot terdapat 2 bahagian utama yang memainkan peranan penting dalam penghasilan perabot siap serta dapat memenuhi kehendak pelanggan. Dua bahagian yang dimaksudkan ialah Bahagian Pengurusan dan Bahagian Perkilangan. Di dalam setiap bahagian terdapat beberapa sistem kerja yang digunakan untuk memastikan urusan kerja harian dapat berjalan dengan lancar. Perbezaan setiap sistem kerja ini dapat dijelaskan melalui aktiviti yang dilakukannya untuk memastikan penghasilan perabot siap tepat pada masanya. Selama 12 minggu pelatih berada di Syarikat Perniagaan Khazali Perabot, pelatih dapat mengenalpasti tiga sistem iaitu Sistem Pengeluaran Produk, Sistem Pembayaran Gaji Pekerja dan Sistem Pembentukan Produk Siap. Pelatih telah meletakkan huraihan sistem di dalam Bab Dua di dalam laporan Latihan Industri ini. Terdapat tiga bab di dalam laporan Latihan Industri ini. Bab Satu menerangkan mengenai pengenalan terhadap syarikat manakala Bab Tiga merupakan penutup serta kesimpulan terhadap Latihan Industri. Pelatih lebih menekankan Bab Dua kerana di bahagian tersebut terdapat cadangan dan kajian yang perlu pelatih lakukan. Secara keseluruhannya, pelatih berharap hasil daripada penemuan yang dijalankan oleh pelatih terhadap sistem kerja di Syarikat Perniagaan Khazali Perabot dan cadangan yang diberikan akan dapat membantu pihak pengurusan menyelesaikan masalah yang timbul dan menjalani sistem kerja yang lebih efektif.